

**Agong Saksi Penyerahan Zakat Angkasa, Koperasi Petronas  
Bernama  
Ogos 09, 2011**

KUALA LUMPUR, 9 Ogos (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin hari ini berangkat ke majlis penyerahan bayaran zakat perniagaan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) dan Koperasi Kakitangan Petronas Berhad (Koperasi Petronas) di sini.

Pada majlis yang berlangsung di Istana Negara itu, kedua-dua koperasi terbabit menyerahkan bayaran zakat kepada Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan yang diwakili Pengerusinya Datuk Mustafa Abd Rahman.

Angkasa yang diwakili Presidennya Prof Datuk Mohd Ali Baharum menyerahkan zakat berjumlah RM50,235.72, manakala Koperasi Petronas menerusi anggota lembaga Abdul Razak Husin dan Ahmad Bohari Samigan pula menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM513,225.30.

-- BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=606919>